

DARI MUKA 2

menariknya, ia diselenggara sepenuhnya mahasiswa tahun akhir Komunikasi Massa (pengkhususan Perhubungan Awam).

Justeru, pelbagai pengisian menarik daripada mahasiswa ter-

babit disediakan khusus untuk pengunjung termasuk mengikuti pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang dua hari program berlangsung, seperti sesi ceramah daripada alumni, pameran, aktiviti kokurikulum serta demonstrasi.

MM 16/3/06 ms=3



TERSENDIRI...mahasiswa tahun akhir program Komunikasi Massa turut menunjukkan bakat sebagai pelawak.

Mereka juga tidak ketinggalan menunjukkan bakat berniaga selain turut mempamerkan ciptaan kreativiti sendiri sama ada untuk jualan mahupun sekadar tatanan.

Sebanyak 30 gerai yang mengambil bahagian turut menyediakan pelbagai jualan menarik bagi pengunjung membuat pilihan seperti pakaian, makanan dan cenderahati.

Selain memperoleh maklumat, program berkenaan juga menjadi platform pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia memperoleh maklumat pelbagai kursus yang ditawarkan 22 fakulti.

Menurut Haslina, penganjur juga menyediakan sesi istimewa iaitu taklimat untuk setiap kursus yang disampaikan pakar akademik dan kaunseling, bertujuan membantu mencari pemilihan kursus sesuai dengan kelayakan dan minat.

"Sepanjang tempoh program



DAPAT SAMBUTAN...pengunjung tidak melepaskan peluang mengunjungi tapak pameran pelbagai fakulti untuk mendapatkan maklumat kursus.

berlangsung, pengunjung bukan saja berpeluang mengenali UiTM tetapi memperoleh pelbagai maklumat berguna. Ini selaras matla-

mat institusi untuk berkongsi apa juga maklumat serta kepakaran demi memartabatkan anak bangsa," katanya.